

# Isyarat politik Abdullah

Um- 19/11/2006

Oleh **BAHAROM MAHUSIN**

**KETIKA** Datuk Seri Najib Tun Razak diminta menyampaikan ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung UMNO ke-57 Jumaat lalu, beberapa perwakilan UMNO memanggilnya, Pak Ajib, Pak Ajib.

Pada perhimpunan itu, panggilan tersebut yang pada mulanya hanya satu jenaka nampaknya diterima oleh Timbalan Presiden UMNO itu yang tersenyum girang apabila mendengar usikan para perwakilan UMNO.

Komitmen 'Pak Ajib' untuk menyokong 'Pak Lah' memimpin parti dan kerajaan bagi membawa negara ke satu era baru mendapat sokongan para perwakilan UMNO.

Apabila bekalan elektrik dalam Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) terpadam selama dua saat ketika Najib sedang membacakan pantun kesetiannya, Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama lebih 2,500 pemimpin kanan dan para perwakilan UMNO serentak meminta Najib membacakan semula pantun itu.

"Mula balik, mula balik," jerit mereka.

Najib berpantun:

*Panca warisan keris sakti,*

*Sang Saka di tiang seri;*

*Alangkah terharu rasa di hati,*

*Atas kepercayaan yang Pak Lah beri.*

*Dewan Merdeka sudah ternama,  
Bertemu bersidang, ucapan dikaji;  
Setia sebagai pembantu utama,  
Kepada Presiden diikrar janji.*

Berdasarkan pantun Najib itu dan kandungan ucapan para perwakilan pada perhimpunan itu, pucuk pimpinan UMNO jelas berdiri teguh di belakang Abdullah dan menyokongnya untuk meneruskan dasar dan program baru yang diperkenalkannya.

Mereka juga selesa dengan cara kepimpinan Perdana Menteri.

Mereka kini menerima hakikat bahawa Abdullah ada gaya, cara kerja dan keprihatinannya sendiri yang tidak serupa dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya.

Semasa menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung itu pada hari Rabu lalu, tanpa merujuk kepada sesiapa Abdullah secara perbandingan menjelaskan bahawa dua anak yang dilahirkan kembar pun akan membesar dengan cara yang tidak sama.

"Manusia juga diciptakan berbeza-beza. Malah yang dilahirkan kembar, sekalipun memiliki paras fizikal yang serupa semasa kelahiran, semakin mereka dewasa, rupa mereka semakin berbeza. Malah ruang ibu jari yang begitu kecil dijadikan Allah belum ada yang sama di antara sedemikian ramai manusia; apatah lagi perkara-perkara berkaitan fikiran, hati dan emosi.

"Demikian pula logiknya dengan kaedah mentadbir dan mengurus negara. Perbezaan kaedah akan berlaku berasaskan keadaan semasa; ia adalah sesuatu yang normal," kata Abdullah.

Beliau tidak mahu UMNO bertelagah semata-mata kerana pemimpin berlainan cara dan berbeza gaya. Katanya: Jangan sumber, tenaga, masa dan fikiran dibazirkan dengan melakukan perkara-perkara destruktif yang merugikan semua pihak.

Beliau menambah, amatlah rugi kepada negara dan bangsa jika kita terlalu taksud untuk berselisih. Bangsa perlukan satu kekuatan sejati.

"Orang Melayu, begitu juga warga Malaysia keseluruhannya, telah berada di pelantar yang lebih tinggi daripada dahulu. Kita harus yakin dengan kapasiti kita untuk mencapai dan mencipta kejayaan baru," katanya.

Pada perhimpunan itu, Abdullah menekankan bahawa beliau tidak akan lari daripada tanggungjawabnya melindungi Islam, menjaga kepentingan orang Melayu, mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 dan menggiatkan usaha menajayakan Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Beliau memberi amaran akan bertegas dalam memastikan hak-hak Islam dan Melayu terbelas, termasuk menggunakan peruntukan undang-undang.

Para perwakilan UMNO yang terlibat dalam perbahasan Perhimpunan Agung UMNO tahu mekap psikologi politik Melayu.

Mereka sedar bahawa UMNO hanya akan mendapat sokongan padu orang Melayu jika keprihatinan orang

## Sebagai pemimpin parti orang Melayu, Abdullah boleh memilih untuk menjadi popular dengan mengikut gelombang, tetapi selaku Perdana Menteri kepada 25 juta rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum, beliau meneruskan satu tradisi lama yang menjadi teras kepada keharmonian politik Malaysia.

Melayu diperjuangkan dan keprihatinan itu dijadikan sebahagian daripada program kerajaan.

Dalam perhimpunan itu, mereka bercakap dengan penuh kesedaran tentang nasib orang Melayu dalam ekonomi, masa depan bahasa Melayu, kemuliaan agama Islam, keresahan tentang gejala sosial mat rempit dan dadah, kemunduran penduduk luar bandar, persediaan orang Melayu dalam era pertarungan minda, dan kebimbangan mereka mengenai keupayaan Malaysia untuk bersaing di peringkat global.

Mereka juga mengingatkan kerajaan tentang implikasi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), bahaya budaya hedonisme dan hiburan yang mengkhayalkan serta sikap syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) yang tidak proaktif dalam membantu Melayu.

### Berapi-api

Pelbagai permintaan dan desakan dibuat di PWTC - ada tuntutan yang bersifat peribadi, ada permintaan sensitif yang diutarakan dengan cara keras, ada yang berapi-api mempertahankan kontrak sosial dalam perlembagaan negara, tetapi sebahagian besarnya bercakap dengan semangat mahu melihat masa depan yang lebih baik bagi orang Melayu.

Mereka sedar bahawa masa depan yang lebih baik bagi orang Melayu akan menjamin penerusan kuasa UMNO dan Barisan Nasional (BN) di negara ini.

Di luar perhimpunan itu, terdapat pihak dalam masyarakat Cina khususnya resah apabila melihat wujud kecenderungan di kalangan ahli-ahli UMNO untuk berkonfrontasi secara terbuka dengan MCA dan Gerakan serta membuat tuntutan-tuntutan yang mereka sifatkan sebagai melampau.

Akhbar-akhbar Cina, misalnya, melaporkan berita persidangan itu secara meluas. Tuntutan pada perhimpunan itu mencetuskan sedikit kegusaran dan kerisauan dalam masyarakat Cina tentang trend politik yang berlaku sekarang.

Ada pejabat akhbar berbahasa Cina menerima panggilan telefon daripada pembacanya yang meminta berita mengenai Perhimpunan Agung UMNO tidak disiarkan dalam akhbar Cina berkenaan. Pembaca itu risau membaca tuntutan-tuntutan perwakilan UMNO.

Kebimbangan orang bukan Melayu itu membayangi dua sidang akhbar Abdullah pada Perhimpunan Agung UMNO. Sebahagian besar soalan yang ditanyakan kepada Perdana Menteri datang daripada pemberita akhbar Cina.

Dalam sidang akhbar yang pertama pada Khamis, ada pemberita yang mempersoalkan pelaksanaan DEB dan penggunaan perkataan 'tuan bagi negara ini' yang digunakan oleh sesetengah perwakilan UMNO.

Pada sidang akhbar yang kedua pada Jumaat, mereka juga mencetuskan isu keadilan yang diperkatakan Abdullah dalam ucapan penggulungannya pada perhimpunan itu.

Mengapakah ahli-ahli UMNO semakin lantang dalam tuntutan mereka dan punca orang bukan Melayu bersikap agresif dalam respons masing-masing memerlukan penelitian kerajaan.

Atau ia berlaku kerana orang Melayu dan bukan Melayu kini telah hilang musuh bersama, jadi mereka mengalakan meriam politik masing-masing ke arah satu sama lain?

Adakah dasar keterbukaan menyebabkan polemik seumpama itu berlangsung yang, dari segi positifnya, membolehkan kerajaan kini memahami sepenuhnya perasaan sebenar orang Melayu dan bukan Melayu?

Sebagai pemimpin parti orang Melayu, Abdullah boleh memilih untuk menjadi popular dengan mengikut gelombang, tetapi selaku Perdana Menteri kepada 25 juta rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum, beliau meneruskan satu tradisi lama yang menjadi teras kepada keharmonian politik Malaysia.

Abdullah memilih suara kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam memimpin.

Beliau ghairah untuk menangani masalah-masalah orang Melayu yang dikemukakan pada Perhimpunan Agung UMNO, tetapi sebagai Perdana Menteri beliau mengambil jalan politik terbaik untuk negara ini.

Dalam ucapan penggulungannya, Abdullah mengusik perwakilan UMNO dengan memberitahu bahawa apa yang mereka timbulkan adalah "suara orang muda yang hangat, panas dan kuat".

Menurutnya, apa yang diperkatakan dalam Perhimpunan UMNO menarik minat orang. "Kenapa orang minat sangat dengan UMNO?" tanya Abdullah. Se-

babnya, jawab beliau, adalah kerana UMNO penting, berpengaruh dan ia bercakap sebagai sebuah parti yang menguasai kerajaan.

Tanggungjawab UMNO lebih besar dan berat berbanding dulu, dan parti itu berada pada kedudukan bukan sekadar membela orang Melayu tetapi juga diamanahkan supaya bersikap adil kepada kaum lain, ujanya.

Dalam perjuangan UMNO, faktor inilah yang sentiasa diperhatikan rakyat. "Sejauh mana kita adil dan saksama dan sejauh mana kita adil terhadap bangsa dan kaum lain," katanya.

Formula itu menjadi identiti kepada politik nasional Malaysia sejak zaman awal kemerdekaan.

Kerana itulah Abdullah menegaskan dalam ucapannya tentang betapa mustahak dipilih jalan muafakat sebagai pertimbangan politik nasional.

Oleh kerana teras kekuatan parti politik di Malaysia berasaskan kaum tertentu, setiap parti berdepan dengan tuntutan-tuntutan hak yang sama daripada kaum yang mereka wakili.

### Kaedah kepimpinan

Memelihara perimbangan itu dan memastikan kestabilan negara berterusan menjadi keutamaan kepimpinan Abdullah sebagai Presiden UMNO dan selaku Perdana Menteri.

Dalam parti UMNO, Abdullah mendapat sokongan untuk meneruskan cara kerja dan kaedah kepimpinannya yang berbeza.

Dasar-dasarnya seperti Islam Hadhari, keprihatinannya kepada isu kemiskinan luar bandar dan sikap diploasiannya dipuji oleh para perwakilan UMNO yang memberinya semangat untuk meneruskan dasar itu.

Najib mengetuai ahli-ahli parti itu untuk mengambil jalan perdamaian dalam konteks kesetiaan kepada Abdullah.

Kata Najib:

*Setiap pemimpin ada zamannya,*

*Mereka berjasa kepada rakyat;*

*Pelbagai dasar telah dicuba,*

*Menjadi negara kita hebat.*

*Bertahun-tahun negara dibina,*

*Segala bakti kita kenang;*

*Tidak lupa pesanan lama,*

*Pucuk pimpinan mesti dijulung.*

*Kini tiba zaman Pak Lah,*

*Tiga tahun menabur jasa;*

*Negara kita semakin berubah,*

*Memulia agama, membela bangsa.*

*Pak Lah kita beri sokongan,*

*Ahli parti mestilah setia;*

*Segala barisan kita kukuhkan,*

*Demi agama, bangsa, negara.*

Pada Perhimpunan Agung UMNO itu Abdullah tidak menyebut mengenai pilihan raya umum sungguhpun ia ditimbulkan dalam persidangan Pemuda, Wanita dan Puteri, tetapi sebaik sahaja perhimpunan politik tersebut tamat, telah ada pemimpin UMNO mula bergerak menyediakan jentera parti itu untuk menghadapi kemungkinan pilihan raya umum.

Dari segi pilihan raya umum, Abdullah mempunyai masa yang panjang untuk memantapkan pentadbiran kerajaan dan membetulkan kritikan-kritikan terhadapnya sebelum pilihan raya akan datang.

Beliau mempunyai mandat Parlimen sehingga bulan April 2009. Ertinya sebelum tarikh akhir pilihan raya perlu diadakan pada tahun 2009, UMNO boleh mengadakan dua kali lagi Perhimpunan Agung tahunan.

Hanya Abdullah selaku Perdana Menteri mempunyai ilham bagaimana masa depan politik itu akan dicorakkan. Cuma Pak Lah yang tahu bila Parlimen akan dibubarkan, sama ada lebih awal atau ia dilakukan apabila cukup tempoh mandat.

Ahli-ahli dan perwakilan UMNO yang baru pulang daripada Perhimpunan Agung UMNO di PWTC, termasuk timbalannya 'Pak Ajib', kini menunggu isyarat politik Pak Lah.

Seperti juga Pak Lah, mereka mahu membuktikan kepada rakyat kekuatan sebenar parti itu yang tahan menyahut cabaran zaman.